

01 OCT, 2023

Peranan SPRM terus diperkuuh



Mingguan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Selain siasat dan dakwa, langkah peroleh semula aset curi turut dilakukan

Peranan SPRM terus diperkuuh

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kekal dengan bidang kuasanya untuk membuka siasatan dan melakukan pertuduhan walaupun sering dituduh bersikap pilih kasih.

Momokan kononnya setiap pertuduhan dan pendakwaan hanya terpakai kepada golongan 'marhaen' sedangkan golongan kayangan seperti pemimpin politik terlepas dan hanya dikenakan hukuman ringan disanggah oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri.

Bagi beliau, jika dilihat secara menyeluruh, sejak penubuhan SPRM, banyak kejayaan yang dicapai bukan sahaja dari segi operasi malah aspek pencegahan dan pendidikan.

Malah katanya, selain pertuduhan terhadap kes rasuah, penyelewengian dan salah guna kuasa, SPRM juga sedang memperkuuhkan tindakan bagi mendapatkan kembali sumber wang yang telah dicuri melalui pemulihan aset.

Kata beliau, kaedah itu bukan sahaja memberi hasil yang lebih baik terhadap negara tetapi



menelekkan profesionalisme SPRM dalam semua tindakan yang diambil termasuk operasi, pencegahan dan juga pendidikan masyarakat

"Kes yang sering saya rujuk iaitu membatikan siasatan 1Malaysia Development Berhad (IMDB). Sampai sekarang, SPRM masih dalam usaha mengembalikan duit rakyat yang dicuri dan kita membuat pengumuman berkala berdasarkan kes yang disiasat serta wang yang berjaya dikembalikan.

"Bukan itu sahaja, ada banyak lagi kes berskala besar iaitu kes bersindiket kita buat selepas itu. Akhirnya, perbincangan telah dibuat dengan pihak pendakwa raya, meskipun ada kes tidak dituduh tetapi ia mendatangkan pulangan yang besar kepada negara," katanya dalam wawancara khas sempena ulang tahun SPRM ke-56, baru-baru ini.

Azam memberitahu, masyarakat mungkin belum



AZAM BAKRI

memahami tindakan yang diambil SPRM dalam pemulangan aset itu dan menganggap pertuduhan adalah penting.

"Saya bukan kata pertuduhan tidak penting, ia penting tetapi sekiranya kita boleh menjimatkan kos sepanjang tempoh perbicaraan kes yang mungkin akan mengambil masa, itu lebih baik.

"Tindakan seumpama ini, telah banyak diguna pakai di negara maju terutama Amerika Syarikat. Cuma, kita belum ada undang-undang Perjanjian Penangguhan Pendakwaan atau Deferred Prosecution Agreement (DPA)

iaitu satu bentuk perjanjian yang dicapai antara pendakwa dan organisasi bagi membolehkan pendakwaan ditunda supaya proses perjanjian dipatuhi dan ini dijalankan di bawah pengawasan hakim," jelasnya.

Mengenal DPA, Azam berkata, perkara itu sudah berada dalam peringkat kajian.

"Kita akan cuba usulkan cadangan ini kepada kerajaan supaya undang-undang DPA diadakan dan dimasukkan dalam Akta SPRM 2009," katanya.

Langkah itu membolehkan kerajaan mendapat pulangan besar daripada hasil dana yang dicuri dan dikembalikan, ujarnya.

Untuk rekod, DPA digunakan secara meluas bagi kes-kes rasuah dan jenayah ekonomi terutamanya melibatkan siasatan dan kesalahan terhadap organisasi komersial.

Dalam pada itu, Azam berkata, statistik pelucutan dan pemulihan aset juga menunjukkan rekod yang sangat cemerlang pada tahun 2022 dengan jumlah keseluruhan pelucutan harta sebanyak RM149,695,341.49.

Katanya, jumlah kompaun di bawah Seksyen 92(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada

Aktiviti Haram (AMLATPUAA) 2001 adalah RM44,454,800.

"Penyumbang tertinggi adalah menerusi kes IMDB sebanyak RM64,386,825.68 yang berjaya dipulangkan kepada kerajaan Malaysia hasil kerjasama strategik antara pasukan penjejak aset yang dianggotai oleh SPRM dan beberapa agensi penguat kuasa bersama Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat dan Biro Siasatan Persekutuan (FBI).

"Kes Op Power yang dijalankan antara SPRM dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Suruhanjaya Tenaga sejak tahun 2019 hingga 2022 juga antara pencapaian besar bagi SPRM dengan penyitaan wang tunai berjumlah RM281,180 daripada kesumer suspek yang ditahan."

"Selain itu, sebanyak 122 akaun melibatkan 95 individu dan 27 syarikat berjumliah RM4.5 juta turut dibekukan. Sitaan turut membabitkan 1,157 mesin bitcoin bernilai RM2.34 juta dan wang kripto berjumliah RM936,796.30," tambahnya.

Katanya, menerusi kejayaan bermula daripada siasatan hingga ke peringkat pendakwaan, ia membuktikan kemampuan SPRM dalam mengendalikan kes berprofil tinggi dan kompleks.